

15/03/1999

Rakyat tentukan sendiri (HL)

Shamshul Azree Samshir

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan hanya rakyat berhak menentukan nasib dan masa depan negara, bukannya pemimpin luar atau media asing.

Sambil merujuk tindakan beberapa pemimpin luar dan media Barat yang kini berusaha mempengaruhi rakyat dalam menentukan kepemimpinan negara, Perdana Menteri berkata:

"Ada orang asing kata kerajaan tidak mendapat sokongan rakyat, kononnya rakyat hendak tumbangkan kerajaan.

"Sebenarnya mereka ingin saya disingkir dan diganti dengan orang yang lebih suka tunduk kepada mereka, mereka hendak yang akan tunduk dan jual negara ini kepada mereka, oleh sebab itu mereka berusaha untuk tumbangkan negara.

"Mereka boleh usaha dan saya pulangkan kepada rakyat, rakyat Malaysia boleh tentukan nasib sendiri, bukannya negara dan majalah asing atau Al Gore tapi penduduk Malaysia yang akan tentukan siapakah yang akan dirikan kerajaan. Inilah cara demokrasi.

"Rakyat majoriti yang memilih kerajaan, bukannya presiden atau naib presiden, mereka tidak ada hak sama sekali dengan negara kita. Jika Al Gore hendak menjadi Presiden Amerika Syarikat, itu masalah dia, tapi jangan kacau di sini, orang Malaysia lebih tahu," katanya pada majlis perayaan ulang tahun ke-50 Kampung Baru Jinjang di sini, hari ini.

Lebih 30,000 rakyat menyertai perhimpunan itu yang dianjurkan Pergabungan Pertubuhan Sosial Jinjang dan Kepong. Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; serta Tun Ghafar Baba.

Dr Mahathir juga memberi contoh bagaimana media asing berusaha mempengaruhi pengundi Sabah pada pilihan raya negeri itu semalam, tetapi ramalan yang dibuat ternyata meleset.

"Tiga bulan dulu, majalah asing dan pakar politik daripada golongan tertentu mendakwa BN tidak boleh memenangi pilihan raya di Sabah, kononnya orang Sabah bencikan BN dan tidak mahu lagi BN.

"Tetapi semalam kita lihat BN bukan saja menang, malah menang dengan majoriti yang amat besar.

"Rakyat Sabah sebenarnya tahu apa yang dilakukan. Mereka pilih BN kerana BN bermakna keamanan, kerjasama antara kaum, pembangunan untuk negara dan dengan itu hidup lebih sempurna," katanya sambil yakin BN juga akan mendapat sokongan majoriti rakyat pada pilihan raya umum akan datang.

Pada pilihan raya negeri Sabah semalam, BN memenangi 31 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) - hanya kurang satu kerusi untuk mendapat majoriti dua pertiga.

Dr Mahathir berkata, BN sentiasa mementingkan pembangunan dan ini dapat dilihat sendiri pada perubahan dan kemajuan di ibu kota dan seluruh negara.

"Kita mahu rakyat semakin kaya, bukannya menderita, bekerja dan mendapat upah yang meningkat," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa memberi perhatian dan pertimbangan secukupnya terhadap kepentingan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Justeru, katanya, rakyat boleh hidup aman damai serta menganjurkan majlis atau perhimpunan tanpa perlu bimbang berlaku kekacauan seperti di negara lain.

"Selain itu, kita juga berjaya mempertahankan diri daripada orang asing

yang ingin merosakkan ekonomi negara kerana kita mempunyai kerajaan yang cukup kuat dan diberi sokongan penuh oleh rakyat.

"Kalau kerajaan lemah, kita tidak dapat mempertahankan negara dan menolong rakyat ... kerana itulah sokongan rakyat amat penting bagi membolehkan kerajaan membantu mereka," katanya.

(END)